

ANALISIS AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ DALAM
SURAH-SURAH AL-MUFAṢṢAL:
SUATU KAJIAN KELEBIHAN
LINGUISTIK AL-QURAN



BAMBANG MUHAMAD RAFADI YUSOFF
BIN RAPIAH

PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015

ANALISIS AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ DALAM
SURAH-SURAH AL-MUFAṢṢAL:
SUATU KAJIAN KELEBIHAN
LINGUISTIK AL-QURAN

BAMBANG MUHAMAD RAFADI YUSOFF
BIN RAPIAH



UMS

TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH


PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

04 September 2015

.....
Bambang Muhamad Rafadi Yusoff Bin Rapih
PX20119000



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **BAMBANG MUHAMAD RAFADI YUSOFF BIN RAPIAH**

NO PELAJAR : **PX20119000**

TAJUK : **ANALISIS *AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ* DALAM SURAH-SURAH *AL-MUFAṢṢAL*: SUATU KAJIAN KELEBIHAN LINGUISTIK AL-QURAN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN ISLAM)**

TARIKH VIVA : **22 MEI 2015**

DISAHKAN OLEH;

1. **PENYELIA**
Dr. Sainei @Saini Bin Andamit @Ag. Damit Tandatangan



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. **PENYELIA BERSAMA**
Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj Mahali

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dianugerahkan kekuatan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan tesis ini. Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa. Penghargaan juga dirakamkan kepada kedua-dua Penyelia tesis ini, iaitu Dr. Saini Ag. Damit (Penyelia Utama) dan Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj Mahali (Penyelia Bersama). Kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa mendoakan kejayaan tanpa jemu dan bosan, semoga usaha ilmiah ini sentiasa menginspirasi budaya ilmu demi agama, bangsa dan negara yang tercinta.

Bambang Muhamad Rafadi Yusoff Bin Rapih
4 September 2015



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini mengetengahkan satu lagi istilah baharu dalam bidang kajian kemukjizatan bahasa al-Quran al-Karim, iaitu istilah "*al-I'jāz al-Naḥwiyy*" atau "*al-I'jāz al-Tarkībiyy*". Kajian ini hanya tertumpu kepada analisis salah satu komponen daripada sekian banyak komponen dalam ilmu tatabahasa Arab itu sendiri, iaitu kata nama terbitan (*maṣḍar*) atau penggantinya (*nawāib*) yang berfungsi sebagai pengukuh (*'āmiḥya*), penjelas kategori atau jenisnya (kualiti) dan penjelas bilangannya (kuantiti); merupakan kata nama yang diakusatifkan (*ism maṣṣūb*); yang dikenali sebagai *al-Maf'ūl al-Muṭlaq*. Unsur-unsur yang membentuk *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* yang terdiri daripada elemen-elemen *al-maṣḍar*, *ism al-maṣḍar* dan beberapa yang lain sebagai *nawāibnya*, sudah jelas menunjukkan bahawa *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* pada hakikatnya mencanai dan mengadun entiti-entiti penting dalam strata linguistik iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan wacana. Kajian ini juga memperlihatkan bagaimana peranan *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* dalam memperjelas kemukjizatan bahasa al-Quran setelah diasimilasikan dengan fitur-fitur yang lain dalam pembentukan gugusan *al-I'jāz al-Lisāniyy al-Qur'āniyy* melalui pengaplikasian *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* dalam surah-surah *al-Mufaṣṣal*. Walaupun aliran pemikiran teori-teori nahu Arab yang terdiri daripada madrasah-madrasah seperti Kufah, Basrah, Baghdad dan Andalus begitu berjasa dalam usaha memelopori, mengembangkan dan mempertahankan nahu Arab, namun kita perlu yakin bahawa nilai kemukjizatan al-Quran adalah satu-satunya pencetus keupayaan dan kekuatan tersebut sekalipun penghujahan-penghujahan al-Quran terhadap pembentukan nahu Arab tetap mereka diskusikan dengan hebatnya. Impak kemukjizatan linguistik melalui nahu *al-Maf'ūl al-Muṭlaq al-Qur'āniyy* dapat dijelaskan apabila nahu *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* berperanan dan mampu meninggalkan kesan yang kuat ketika Allah SWT menggunakannya dalam al-Quran untuk menyampaikan sesuatu mesej atau menggambarkan sesuatu perihal dan keadaan. Ia merupakan penanda aras yang mampu mengukur dan menyukat dengan tepat untuk menjelaskan fenomena sesuatu kemukjizatan yang lain berdasarkan kesesuaian penggunaannya. Analisis menunjukkan bahawa terdapat bukti yang menjelaskan penguasaan entiti elemen-elemen *al-Maf'ūl al-Muṭlaq*, kesignifikanan peranan dan juga implikasinya yang nyata pada surah-surah *al-Makkiyyah* dan *al-Madaniyyah* kategori *al-Mufaṣṣal* sebagai data-data kajian ini. Proses tersebut menjelaskan implikasi kemukjizatan linguistik al-Quran melalui pengangkatan nahunya terhadap pembentukan tema-tema wacana al-Quran dengan adanya korelasi dalam semua proses tersebut.

ABSTRACT

ANALYSIS OF AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ IN SURA AL-MUFAṢṢAL: A STUDY IN THE ADVANTAGES OF QURANIC LINGUISTIC

This study highlights another new term in the field of language study supremacy of the al-Qur'an al-Karim, the term "al-I'jaz al-Naḥwiyy" or "al-I'jaz al-Tarkībiyy". The study only focused on the successor (nawā'ib) that serves as an anchor it's agent, descriptive categories or analysis of one component of the many components in Arabic grammar knowledge itself, which is a noun derivative (maṣdar) or types (quality) and descriptive number (quantity); is the name of accusived (ism mansūb); known as al-Maf'ūl al-Muṭlaq. Elements that form the al-Maf'ūl al-Muṭlaq consisting of elements of al-maṣdar, ism al-masdar and several others as it's successor, it is clear that al-Maf'ūl al-Muṭlaq in fact grinding and blending important entities in linguistic strata of phonology, morphology, syntax, semantics and discourse. The study also shows how the role of al-Maf'ūl al-Muṭlaq supremacy clarify language in the Quran after the assimilated with the other features in the formation of clusters al-I'jaz al-Lisāniyy al-Qur'āniyy through the application of al-Maf'ūl al-Muṭlaq in sura al-Mufaṣṣal. Although the trend of thought theories of Arabic grammar of the madāris Kufa, Basra, Baghdad and Andalus so meritorious in spearheading efforts, develop and retain Arabic grammar, but we need to be confident that the supremacy of the Qur'an is the only trigger capability and the strength of the arguments, even the Quran on the formation of Arabic grammar will discuss them tremendously. Impact of linguistic advantages through grammar al-Maf'ūl al-Muṭlaq al-Qur'āniyy can be explained when the grammar al-Maf'ūl al-Muṭlaq role and be able to leave a strong impression when Allah used in the Qur'an to convey a message or describe something description and condition. It is a benchmark that can measure and measure accurately to explain other phenomena of a supremacy on the suitability of use. The analysis shows that there is evidence to control the entity elements of al-Maf'ūl al-Muṭlaq, the significance of the role and the real implications in sura al-Makkiyyah and al-Mufaṣṣal later Medinan category as the data for this study. Explain the implications of the process of linguistic supremacy of the Qur'an through the formation of adoption it's grammar themes Quran discourse with the correlation in all the process.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ASBTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SINGKATAN	xviii
SIMBOL	xix
TRANSLITERASI	xx
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Metodologi	6
1.6.1 Pendekatan dan Jenis Kajian	6
1.6.2 Sampel Kajian	7
1.6.3 Kaedah Pengumpulan Data	8
1.6.4 Analisis dan Interpretasi Data Kualitatif	8
1.7 Pembentukan Kerangka Konseptual dan Teori Kajian	12
1.8 Sorotan Literatur	15

1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Definisi Istilah	22
1.11	Kesimpulan	23
BAB 2: KEMUKJIZATAN LINGUISTIK AL-QURAN		25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Definisi Kemukjizatan dan Mukjizat	25
2.3	Definisi al-Quran	31
2.4	Konsep <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i> dalam Surah-Surah al-Quran	37
2.5	Definisi Kemukjizatan al-Quran	44
2.6	Bentuk-Bentuk Kemukjizatan al-Quran	47
2.7	Konsep Linguistik al-Quran	50
2.8	Linguistik al-Quran dan Linguistik Arab	53
2.9	Aliran-Aliran Linguistik Arab	55
2.9.1	Aliran Linguistik Basrah	55
2.9.2	Aliran Linguistik Kufah	58
2.9.3	Aliran Linguistik Baghdad dan Andalus	60
2.10	Penghujahan Berdasarkan Linguistik al-Quran dan <i>al-Qirā'āt</i>	62
2.11	Kesimpulan	68
BAB 3: APLIKASI AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ DALAM NAHU ARAB		70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Definisi, Jenis dan Pola <i>al-Maşdar</i>	70
3.3	Perbezaan antara <i>al-Maşdar</i> dan <i>Ism al-Maşdar</i>	72
3.4	Definisi <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i>	73
3.5	Fungsi <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> dan Perbahasannya	74
3.6	Keistimewaan Nahu <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i>	82
3.6.1	Pengistilahan	82
3.6.2	Setiap <i>al-Fi'l</i> (Kata Kerja) Mengandungi <i>al-Maşdar</i> (Kata Nama Terbitan)	82
3.6.3	Gaya Bahasa Tersendiri	83


3.7	Kesimpulan	85
BAB 4: ANALISIS AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ DALAM LINGUISTIK AL-QURAN (SURAH-SURAH AL-MUFAṢṢAL)		86
4.1	Pengenalan	86
4.2	Latar Belakang Data-Data Kajian	86
4.3	Data-Data Kajian Kategori <i>Makkiyyah</i> (MK)	95
4.3.1	Data MKṬ 51:1	96
4.3.2	Data MKṬ 51:3	96
4.3.3	Data MKṬ 77:4	97
4.3.4	Data MKṬ 79:2	97
4.3.5	Data MKṬ 79:3	98
4.3.6	Data MKṬ 79:4	98
4.3.7	Data MKṬ 56:55	99
4.3.8	Data MKṬ 52:9	100
4.3.9	Data MKṬ 52:10	100
4.3.10	Data MKṬ 73:4	101
4.3.11	Data MKṬ 73:8	101
4.3.12	Data MKṬ 74:14	102
4.3.13	Data MKṬ 71:7	103
4.3.14	Data MKṬ 71:9	103
4.3.15	Data MKṬ 71:17	104
4.3.16	Data MKṬ 71:18	105
4.3.17	Data MKṬ 56:35	105
4.3.18	Data MKṬ 78:28	106
4.3.19	Data MKṬ 80:25	107
4.3.20	Data MKṬ 80:26	107
4.3.21	Data MKṬ 84:6	108

4.3.22	Data MKṬ 52:13	109
4.3.23	Data MKṬ 53:27	110
4.3.24	Data MKṬ 53:38	110
4.3.25	Data MKṬ 53:41	111
4.3.26	Data MKṬ 69:14	112
4.3.27	Data MKṬ 70:5	113
4.3.28	Data MKṬ 71:22	113
4.3.29	Data MKṬ 73:10	114
4.3.30	Data MKṬ 54:42	115
4.3.31	Data MKṬ 73:20	115
4.3.32	Data MKṬ84:8	116
4.3.33	Data MKW 88:24	117
4.3.34	Data MKW 89:21	118
4.4.	Data-Data Kajian Kategori <i>al-Madaniyyah</i> (MD)	119
4.4.1	Data MDṬ 76:16	119
4.4.2	Data MDṬ 76:28	120
4.4.3	Data MDṬ 57:27	121
4.4.4	Data MDQ 99:1	122
4.4.5	Data MDṬ 65:8 (a) dan Data MDṬ 65:8 (b)	123
4.4.6	Data MDṬ 66:8	124
4.4.7	Data MDṬ 57:11	125
4.4.8	Data MDṬ 57:18	125
4.4.9	Data MDṬ 64:17	125
4.5	Analisis Data-Data Pilihan	126
4.5.1	Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> KṬ 77:2 (<i>'asfan</i>) dan Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> 77:3 (<i>nashran</i>)(Tema Malaikat)	127

4.5.2	Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> 56:4 (<i>rajjan</i>) dan Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> 56:5 (<i>bassan</i>)(Tema Kiamat)	131
4.5.3	Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 89:25 (<i>'adhābahū</i>) dan Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 89:26 (<i>wathaqaḥū</i>) (Tema Balasan Buruk di Akhirat)	134
4.5.4	Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 86:15 dan Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 86:16 (<i>kaydan</i>) (Tema Rancangan Jahat Musuh-Musuh Allah SWT)	137
4.5.5	Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> 69:10 (<i>akhdhatan rābiyatan</i>) dan Data <i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i> 73:16 (<i>akhdhan wabīlan</i>) (Tema Kedahsyatan Balasan Seksa Allah SWT Terhadap Kaum Yang Menderhaka di Dunia)	140
4.5.6	Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 89:19 (<i>aklan lamman</i>) dan Data <i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i> 89:20 (<i>ḥubban jamman</i>) (Tema Sifat Manusia Yang Menyebabkan Mereka Disiksa Pada Hari Akhirat)	143
4.5.7	Data <i>al-Madaniyyah al-Aṭwal</i> 76:6 (<i>tafjīran</i>) dan Data <i>al-Madaniyyah al-Awsaṭ</i> 76:14 (<i>tadhīlan</i>) (Tema Kehidupan di Syurga; Baik Dibalas Baik)	147
4.5.8	Data <i>al-Madaniyyah al-Aṭwal</i> 76:23 (<i>tanzīlan</i>) (Tema Penurunan dan Pensyariatan al-Quran)	150
4.6	Dapatan Analisis Strata Linguistik	152
4.6.1	Dapatan Analisis Morfologi	152
4.6.2	Dapatan Analisis Sintaksis	162
4.6.3	Dapatan Analisis Semantik	167
4.7	Kesimpulan	179

BAB 5 : INTERPRETASI <i>AL-MAF'ŪL AL-MUṬLAQ</i> DALAM PEMBENTUKAN WACANA KEMUKJIZATAN LINGUISTIK AL-QURAN	181
5.1 Pengenalan	181
5.2 Latar Belakang Data Kajian	181
5.3 Kesignifikanan Nahu <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> dan Impak Kemukjizatannya Terhadap Tema-Tema Surah <i>al-Makkiyyah</i>	183
5.3.1 Kedahsyatan Peringatan dan Azab Allah SWT Terhadap Kaum Yang Menderhaka	183
5.3.2 Keistimewaan dan Kepantasan Makhluq Cahaya (Malaikat dan Alam Ghaib) Sebagai Sebahagian Daripada Rukun Iman	187
5.3.3 Kedahsyatan Kemusnahan Alam Global (Kiamat) dan Pembalasan Baik Buruk Amalan Manusia di Akhirat	192
5.3.4 Kekuasaan Allah SWT Melaksanakan dan Menentukan Sesuatu dengan Sebaik-Baiknya	195
5.3.5 Kepentingan Tuntutan Menegakkan dan Membantu Syariat Allah SWT Untuk Menggarap Keredaan Allah SWT	195
5.4 Kesignifikanan Nahu <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> dan Impak Kemukjizatannya Terhadap Tema-Tema Surah <i>Al-Madaniyyah</i>	196
5.4.1 Kepentingan Tuntutan Menegakkan dan Membantu Syariat Allah SWT Untuk Menggarap Keredaan Allah SWT	196
5.4.2 Kedahsyatan Kemusnahan Alam Global (Kiamat) dan Pembalasan Baik Buruk Amalan Manusia	197
5.4.3 Kekuasaan Allah SWT Melaksanakan dan Menentukan Sesuatu dengan Sebaik-Baiknya	198
5.5 Ulasan Tema-Tema <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i> dalam Surah-Surah <i>al-Mufaṣṣal</i>	198
5.6 Interpretasi Wacana	199
5.6.1 Implikasi Akidah	200

5.6.2	Implikasi Syariah	204
5.6.3	Implikasi Akhlak	214
5.7	Kesimpulan	222
BAB 6: PENUTUP		223
6.1	Pengenalan	223
6.2	Rumusan Kajian	226
6.3	Ulasan Kajian	232
6.4	Kesimpulan	233
RUJUKAN		234
GLOSARI		243




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Perbezaan antara mukjizat dan keajaiban-keajaiban lain	30
Jadual 2.2: Ciri-ciri ayat <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i>	39
Jadual 2.3: Klasifikasi Surah-Surah <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i>	40
Jadual 2.4: Contoh keseimbangan bilangan kata dalam al-Quran	49
Jadual 2.5: Nama-nama surah yang dibuka dengan potongan-potongan huruf	52
Jadual 3.1: <i>Al-maṣḍar</i> pengganti kata kerja (<i>nā'ib al-fi'l</i>)	75
Jadual 4.1: Senarai surah-surah <i>al-Mufaṣṣal</i> daripada jenis <i>al-aṭwal</i> (panjang)	87
Jadual 4.2: Senarai surah-surah <i>al-Mufaṣṣal</i> daripada jenis <i>al-awsaṭ</i> (sederhana)	88
Jadual 4.3: Senarai surah-surah <i>al-Mufaṣṣal</i> daripada jenis <i>al-aqṣār</i> (pendek)	89
Jadual 4.4: Surah-surah <i>al-Makkiyyah</i> yang mengandungi elemen <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> antara satu hingga lima ayat	90
Jadual 4.5: Surah-surah <i>al-Madaniyyah</i> yang mengandungi elemen <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> antara satu hingga lima ayat	91
Jadual 4.6: Data-data kajian	92
Jadual 4.7: Senarai elemen <i>al-maṣḍar</i> yang membentuk <i>al-Maf'ūl al-Muṭlaq</i> dan polanya (<i>al-wazn</i>) yang terdapat dalam sampel-sampel kajian	153
Jadual 4.8: Analisis morfologi data-data <i>al-Makkiyyah</i> (kategori <i>al-Mufaṣṣal</i>)	157


Jadual 4.9:	Analisis morfologi data-data <i>al-Madaniyyah</i> (kategori <i>al-Mufaṣṣal</i>)	161
Jadual 4.10:	Entiti nahu <i>al-Mafūl al-Muṭlaq</i> dalam surah-surah <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i> (kategori <i>al-Mufaṣṣal</i>)	163
Jadual 4.11:	Senarai elemen <i>al-Mafūl al-Muṭlaq</i> , asal kalimah dan padanan makna dalam setiap ayat dalam surah-surah <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i> dalam kategori <i>al-Mufaṣṣal</i>	168
Jadual 4.12:	Fungsi <i>al-Mafūl al-Muṭlaq</i> yang terdapat dalam setiap data kajian	174
Jadual 4.13:	Pemberatan analisis semantik data-data <i>al-Makkiyyah</i> dan <i>al-Madaniyyah</i> (kategori <i>al-Mufaṣṣal</i>)	179
Jadual 5.1:	Pengklasifikasian data mengikut tema (fakta) dan aspek wacana al-Quran (kemukjizatan)	182



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 1.1: Struktur kerangka konsepsi	13
Rajah 1.2: Struktur kerangka teori	15



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI CARTA


	Halaman
Carta 1.1: Aliran persampelan kajian	7
Carta 1.2: Proses analisis data kualitatif	9
Carta 1.3: Proses analisis data	10
Carta 1.4: Proses interpretasi data	10
Carta 1.5: Proses akhir kajian	11



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN


SWT	-	<i>Subhānahū wa Ta'ālā</i>
SAW	-	<i>Ṣallā Allāhu 'alayhi wa Sallama</i>
a.s.	-	<i>'Alayhi al-Salām</i>
r.a	-	<i>Raḍia Allāhu 'anhu</i>
MM	-	<i>al-Ma'fūl al-Muṭṭlaq</i>
MKṬ	-	<i>al-Makkiyyah al-Aṭwal</i>
MKW	-	<i>al-Makkiyyah al-Awsaṭ</i>
MKQ	-	<i>al-Makkiyyah al-Aqṣar</i>
MDṬ	-	<i>al-Madaniyyah al-Aṭwal</i>
MDW	-	<i>al-Madaniyyah al-Awsaṭ</i>
MDQ	-	<i>al-Madaniyyah al-Aqṣar</i>
dll	-	dan lain-lain



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SIMBOL

+	-	Tambah
<>	-	<i>Elepsis/Hazf</i>
=	-	Sama dengan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar baru ejaan rumi Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan Bahasa Arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi (1998), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Senarai jadual adalah seperti berikut:

KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	A	ز	Z	ق	Q
ب	B	س	S	ك	K
ت	T	ش	Sh	ل	L
ث	Th	ص	Ş	م	M
ج	J	ض	Ḍ	ن	N
ح	H	ط	Ṭ	و	W
خ	KH	ظ	Ẓ	ه	H
د	D	ع	'	ء	'
ذ	DH	غ	GH	ي	Y
ر	R	ف	F	هـ	H

VOKAL

Vokal Panjang		Vokal Pendek		Diftong	
ا	Ā	A	او	AW
او	Ū	U	اي	AY
اي	Ī	I	يِي	IYY
				وَو	UWW

Sumber: Berdasarkan pedoman transliterasi huruf Arab ke Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran al-Karim menggunakan bahasa Arab dalam seluruh tema dan tatabahasanya. Allah SWT memperlihatkan di *al-Lūh al-Mahfūz* dengan bahasa Arab. Malaikat Jibril a.s. menyampaikannya kepada Nabi SAW dengan bahasa Arab. Nabi SAW menyampaikannya dan membacakannya kepada umat Islam dengan bahasa Arab (surah *al-Nahl*:103; *al-Syu'arā*:195). Bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran al-Karim sesungguhnya memiliki kekuatan dan keistimewaannya yang tersendiri, berbeza jauh dengan bahasa Arab yang digunakan dalam karya-karya manusia. Justeru itulah, akhirnya keutuhan dan kemuliaan bahasa Arab itu terserlah melalui al-Quran al-Karim dan bukan sebaliknya, iaitu al-Quran al-Karim terserlah kerana bahasa Arab. Sehingga ke satu tahap, bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran al-Karim dianggap dan diistilahkan sebagai bahasa al-Quran itu sendiri - yang penuh dengan kekuatan dan kehebatan - mengatasi kehebatan zat bahasa dan dialek Arab yang sedia ada dan mendominasi ketika itu (surah *al-Baqarah*: 23; *Yūnus*: 38; *al-Ra'd*: 13; *al-Isrā'*: 88; *al-Ṭūr*: 34). Inilah yang dinamakan mukjizat al-Quran dari sudut bahasa (Kemukjizatan Linguistik al-Quran). Kehebatan bahasa al-Quran itu menjadi daya tarikan yang tidak terhingga kepada pendengarnya. Tarikan tersendiri itu sebenarnya menyembunyikan rahsia-rahsia yang amat diperlukan oleh sekalian makhluk secara semula jadi yang dinamakan sebagai kemukjizatan yang bersifat membela kebenaran dan memusnahkan kepalsuan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Al-Maf'ūl al-Muṭlaq dalam surah-surah *al-Mufaṣṣal* dikaji untuk mendalami kemukjizatan nahu al-Quran. Pada asasnya, *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* bukanlah elemen utama atau tonggak (*'umdah*) dalam pembentukan ayat-ayat dalam bahasa Arab. Ia hanya merupakan elemen sokongan atau sampingan (*faḍlah*) sahaja. Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu sesuatu ayat tidak sempurna tanpa diletakkan *al-maf'ūlāt* seperti mana ayat-ayat yang terdapat di dalamnya kata kerja *transitif*.

Bagi menyempurnakan ayat yang mengandungi kata kerja *transitif*, kita perlu meletakkan *al-Maf'ūl Bih*. Seterusnya, *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* pula diletakkan dalam ayat-ayat yang bertujuan untuk meyakinkan pendengar bahawa sesuatu kerja itu betul-betul berlaku, atau untuk menerangkan kekerapan berlakunya kerja atau gaya kerja tersebut. Manakala *al-Maf'ūl Lah* diletakkan dalam ayat yang bertujuan untuk menerangkan sebab sesuatu kerja tersebut dilakukan. *Al-Maf'ūl Fih* disebut dalam ayat untuk tujuan menerangkan masa atau tempat berlakunya sesuatu kata kerja. Adapun *al-Maf'ūl Ma'ah* pula perlu disebut dalam ayat-ayat bagi tujuan menerangkan siapa atau apa yang menyertai pelaku semasa kata kerja dilakukan.

Kepelbagaian perubahan yang berlaku pada struktur ayat-ayat yang melibatkan penggunaan *al-maf'ūlāt* dalam ayat-ayat tersebut menjadikannya memerlukan penjelasan dan pengkaedahan yang sistematik bagi memudahkan para pengguna bahasa memahami dan mengatur *al-maf'ūlāt* dalam ayat-ayat dengan cara yang betul serta mengikut cita rasa bahasa Arab sebagaimana yang diwarisi daripada generasi silam. Generasi silam yang hidup pada zaman sebelum Islam, hanya mempelajari dan menguasai bahasa ibunda mereka secara lisan mengikut kemampuan bahasa yang telah dianugerahkan Allah SWT tanpa perlu mempelajari kaedah-kaedah secara formal, sebagaimana yang dilalui oleh generasi zaman kegemilangan Islam dan zaman mutakhir ini.

Seterusnya penggunaan *al-maf'ūlāt* menambahkan keindahan bahasa Arab kerana apabila diletakkan *al-Maf'ūl al-Muṭlaq*, *al-Maf'ūl Fih*, *al-Maf'ūl Lah* dan *al-Maf'ul Ma'ah* akan melengkapkan ayat-ayat yang dibina. Bagi memahami maksud serta menghayati keindahan bahasa al-Quran al-Karim perlulah *al-maf'ūlāt* dikaji dengan cara terperinci. Oleh itu, penjelasan *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* dalam kajian ini diharapkan dapat memenuhi maksud yang telah dinyatakan. Meskipun hanya dalam surah-surah *al-Mufaṣṣal* sahaja, namun ia memadai untuk menggambarkan kewujudan jenis *al-maf'ūlāt* yang digunakan secara meluas dalam al-Quran al-Karim.

Kajian ini hanya berfokus kepada *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* yang terdapat dalam surah-surah al-Quran. Pengkaji mendapati bahawa *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* memiliki beberapa keistimewaan berbanding yang lain. Justeru, ia menarik untuk dijadikan sebagai pembolehubah dalam kajian ini. Terdapat beberapa keistimewaan pada *al-Maf'ūl al-Muṭlaq* :i) *al-maṣḍar* (kata nama terbitan) yang terdapat pada setiap *fi'* (kata kerja) dan yang menyerupainya dikira sebagai fondasi (asas) sama ada tersembunyi mahupun jelas. Hal ini tidak berlaku pada *al-maṣḍar* lain yang dianggap sebagai *faḍlah* (pelengkap) semata; ii) setiap *fi'* dan yang menyerupainya bertransitif kepada *al-maṣḍar* sekurang-kurangnya kepada satu *al-maṣḍar*, iaitu *al-Maf'ūl al-Muṭlaq*, tanpa melihat kepada ke*luzūman* (*non-transitif*) atau *keta'addiyahan* (*transitif*) *fi'* tersebut; dan iii) *al-maṣḍar* kadang kala bertindak sebagai *'āmil* (faktor penyebab atau agen). *Al-Maf'ūl al-Muṭlaq* juga kadang kala bertindak sebagai *'āmil* dan pada masa yang sama ia juga boleh bertindak sebagai *ma'mūl* (yang disebabkan oleh faktor). Hal ini tidak berlaku kepada kebanyakan *al-maṣḍar*.

Salah satu komponen dalam linguistik ialah aspek tatabahasa (*grammar*) atau nahu. Kajian ini memilih salah satu sub di dalam bab *al-maṣḍar* (Nahu Arab), iaitu *al-Maf'ul al-Muṭlaq*. Fitur ini akan dianalisis bagi memperjelas dan menjawab semua persoalan dalam kajian ini. Fitur ini juga memiliki kekuatan dan keistimewaannya yang tersendiri apabila menjadi sebahagian daripada *al-i'jāz al-naḥwiyy* (Kemukjizatan Tatabahasa) dalam al-Quran al-Karim, berbanding ia sebagai tatabahasa atau nahu biasa dalam kerangka asalnya.